

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## KKM panjangkan waktu operasi klinik

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan pemanjangan waktu operasi selepas waktu pejabat di 52 klinik kesihatan di seluruh negara.

Menurut laman Facebook KKM, langkah itu bertujuan mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan hospital.

Katanya, waktu operasi klinik itu akan dipanjangkan dari jam 5 petang hingga jam 9.30 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan jam 8 pagi hingga 12 tengah hari pada hari Sabtu.

"Bagi Kedah, Kelantan dan Johor, waktu operasi pada Ahad hingga Khamis dari jam 5 petang hingga jam 9.30 malam dan jam 8 pagi hingga 12 tengah hari pada Sabtu," katanya.

KKM berkata, perkhidmatan

itu tidak dilaksanakan pada Jumaat bagi Kedah, Kelantan dan Johor manakala Ahad bagi negeri lain, serta pada cuti umum.

"Bagaimanapun, waktu operasi dan hari bekerja akan disesuaikan mengikut keperluan setempat," katanya.

Klinik yang terabit dalam tindakan itu adalah lima klinik di Kedah (KK Alor Setar, KK Kulim, KK Sungai Petani, KK Kuah dan KK Padang Mat Sirat); Perlis (KK Kuala Perlis, KK Kangar); Pulau Pinang (KK Bayan Baru, KK Seberang Jaya) dan Perak (KK Tapah, KK Teluk Intan, KK GreenTown, KK Kamunting, KK Taiping, KK Setiawan, KK Tanjung Malim).

Di Selangor (KK Ampang, KK Kajang, KK Taman Medan, KK

Seksyen 19, KK Bandar Botanik, KK Taman Ehsan); dan Kuala Lumpur serta Putrajaya (KK Kuala Lumpur, KK Presint 9).

Negeri Sembilan (KK Port Dickson, KK Bahau, KK Seremban); Johor (KK Mahmoodiah, KK Sultan Ismail, KK Bandar Mengkibol, KK Batu Pahat, KK Kulai Besar); dan Melaka (KK Masjid Tanah, KK Alor Gajah, KK Jasin, KK Merlimau, KK Ayer Keroh, KK Peringgit).

Di Pahang (KK Kesihatan Bandar) dan Kelantan (KK Bandar Kota Bharu).

Di Sabah pula (KK Inanam, KK Luyang, KK Menggatal, KK Lahad-Datu, KK Penampang, KK Putatan, KK Sandakan, KK Tawau) dan Sarawak (KK Jalan Masjid, KK Bintulu, KK Jalan Lanang).



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

## Perlu 44,804 lagi penolong pegawai perubatan

**Putrajaya:** Negara memerlukan seramai 44,804 penolong pegawai perubatan (PPP) menjelang 2025 dengan mengambil kira jangkaan terdapat 36 juta penduduk Malaysia ketika itu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, berkata bilangan PPP di negara kini adalah 23,329 orang dengan nisbah 1:1,400 berbanding populasi penduduk.

"Kekurangan PPP menyebabkan peningkatan beban kerja. PPP sedia ada bekerja lebih masa dan ia secara tidak langsung boleh menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Pembantu Perubatan Ke-12 2023 Peringkat Kebangsaan di Kementerian Kesihatan (KKM), di sini, semalam.

Lukanisman menjelaskan, perbincangan antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan sentiasa diadakan bagi memastikan isu perjawatan tetap dapat diselesaikan dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Dalam pada itu, beliau berkata, bilangan PPP atau pembantu perubatan yang memiliki ijazah masih kecil membabitkan kurang 10 peratus dan sasaran KKM adalah 75 peratus daripada mereka mempunyai kelulusan peringkat berkecuali menje-

lang 2030.

Justeru, beliau berkata, beberapa sesi libat urus sudah diadakan antara cawangan perkhidmatan PPP dan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dengan beberapa universiti awam serta swasta untuk membuka peluang pendidikan program ijazah kepada golongan itu.

Ketika ini, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Terbuka Malaysia menjalankan program khusus pada peringkat ijazah bagi PPP.

Lukanisman turut memaklumkan, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi persidangan 'The Global Association of Clinical Officers and Physician Associates' di Putrajaya, Jun depan.

BERNAMA

“Kekurangan PPP menyebabkan peningkatan beban kerja. PPP sedia ada bekerja lebih masa dan ia secara tidak langsung boleh menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan”



Lukanisman Awang Sauni,  
Timbalan Menteri Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

## Rampas 1,285 peranti perubatan tak berdaftar

**Puchong:** Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) Kementerian Kesihatan (KKM) merampas 1,285 set alat pengukur tekanan darah digital yang tidak berdaftar bernilai lebih RM100,000 dalam serbuan di sebuah gudang di Taman Perindustrian Alam Perdana, di sini kelmarin.

Serbuan dijalankan sepasukan anggota dan pegawai penguat kuasa MDA kira-kira jam 4 petang diketuai Ketua Eksekutif MDA KKM, Dr P Muralitharan, hasil aduan dan risikan.

Dr Muralitharan berkata, MDA menerima aduan bahawa syarikat itu mengedarkan peranti perubatan yang tidak berdaftar sebelum menjalankan risikan pertama pada 27 Januari lalu.

"MDA seterusnya mengeluarkan arahan kepada syarikat terbabit menghentikan jualan, namun hasil risikan dan penya-

maran dilakukan pada hari ini (kelmarin), mendapati syarikat terbabit gagal mematuhi arahan berkenaan.

"Semakan mendapati syarikat ini tidak mempunyai lesen establismen untuk menjual dan mengedar peranti perubatan di Malaysia, yang mana barangan itu dibawa masuk dari China," katanya pada sidang media di lokasi serbuan, kelmarin.

Dr Muralitharan berkata, sebanyak 1,285 unit alat pengukur tekanan darah digital dan sembilan unit termometer inframerah dianggarkan bernilai RM111,233 dirampas dalam serbuan itu.

"Kebanyakan peranti perubatan ini dijual kepada syarikat, klinik dan individu melalui e-dagang dan secara langsung.

"Syarikat ini dipercayai terbabit dengan aktiviti pengimportan peranti perubatan ini sejak Okto-



Pasukan MDA KKM menunjukkan alat pengukur tekanan darah digital yang dirampas kerana tiada kelulusan MDA, dalam serbuan di Puchong.

(Foto Owee Ah Chin/BH)

ber 2019," katanya.

Dr Muralitharan berkata, syarikat ini melanggar Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 5(1), Seksyen 15 (1) dan

Seksyen 44 (1) akta berkenaan.

Katanya, jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM300,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Tampung keperluan 36 juta populasi menjelang 2025

## Perlu tambah 20,945 kakitangan perubatan

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Seramai 44,804 penolong pegawai perubatan (PPP) diperlukan menjelang 2025 berdasarkan unjuran bilangan penduduk Malaysia seramai 36 juta orang pada tahun tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, ia memberi gambaran bahawa sistem perkhidmatan kesihatan memerlukan pertambahan 20,945 jawatan dengan keperluan dari 2022 hingga 2025 adalah seramai 3,142 jawatan setahun.

Menurutnya, ketika ini, bilangan PPP di seluruh negara berjumlah 23,329 orang dengan nisbah 11,400 berbanding populasi penduduk selain seramai 18,438

PPP berkhidmat di Kementerian Kesihatan (KKM) sementara 4,891 di sektor swasta.

"Kekurangan PPP menyebabkan peningkatan beban kerja, PPP sedia ada bekerja lebih masa dan secara tidak langsung boleh menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan.

"KKM telah berbincang tentang hala tuju dan pertambahan pegawai bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

"Perbincangan antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan MOP sentiasa berterusan bagi memastikan isu perjawatan tetap dapat diselesaikan dalam tempoh tiga hingga lima tahun," katanya ketika berucap sempena Maj-

lis Pelancaran Hari Pembantu Perubatan Ke-12 Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di sini semalam.

Dalam pada itu, Lukanisman berkata, bilangan PPP yang memiliki ijazah juga masih kecil iaitu kurang daripada 10 peratus dan jumlah itu masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan.

Jelasnya, pelan Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Perubatan menyasarkan sebanyak 75 peratus PPP memiliki ijazah pertama menjelang 2030.

"Peningkatan tahap pendidikan akan berupaya meningkatkan tahap pengetahuan dan kompetensi sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan," katanya.



LUKANISMAN menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

## Waktu operasi 52 buah klinik kesihatan dipanjangkan



ORANG ramai boleh mendapatkan rawatan di 52 klinik kesihatan yang tempoh operasi dilanjutkan. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Waktu pengoperasian Klinik Kesihatan (KK) akan dipanjangkan bagi mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan Hospital Kerajaan.

Kementerian Kesihatan (KKM) di laman Facebooknya memaklumkan, pemanjangan tempoh operasi dilaksanakan di 52 buah KK seluruh negara.

“Waktu operasi dipanjangkan dari 5 petang hingga 9.30 malam, Isnin hingga Jumaat dan 8 pagi hingga 12 tengah hari hari Sabtu.

“Bagi Kedah, Kelantan, dan Johor, waktu operasi pada hari Ahad hingga Khamis dari 5 pe-

tang hingga 9.30 malam dan 8 pagi hingga 12 tengah hari pada hari Sabtu,” kata kenyataan itu.

KK terlibat di Kedah dan Perlis ialah Alor Setar, Kulim, Sungai Petani, Kuah dan Padang Matsirat dan Kuala Perlis serta Kangar.

Di Perak pula melibatkan Tapah, Teluk Intan, Greentown, Kemunting, Taiping, Sitiawan dan Tanjung Malim manakala Selangor ialah Ampang, Kajang, Taman Medan, Seksyen 19, Bandar Botanik dan Taman Ehsan.

Turut sama KK Kuala Lumpur, dan Presint 9 Putrajaya dan KK Port Dickson, Bahau

dan Seremban. Di Johor pula, KK Mahmoodiah, Sultan Ismail, Bandar Maharani, Mengkibol, Batu Pahat dan Kulai Besar.

Selain itu KK Bandar, Kuantan serta KK Bandar Kota Bharu, Kelantan selain Sabah membatik Inanam, Luyang, Menggatal, Lahad Datu, Penampang, Putatan, Sandakan dan Tawau.

Di Sarawak melibatkan KK Jalan Masjid, Bintulu dan Jalan Lanang dan Pulau Pinang (Bayan Baru dan Seberang Jaya) manakala Melaka (Masjid Tanah, Alor Gajah, Jasin, Merlimau, Ayer Keroh dan Peringgit).



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

## Malaysia perlu lebih 40,000 pembantu perubatan menjelang 2025

**PUTRAJAYA** - Negara memerlukan seramai 44,804 penolong pegawai perubatan (PPP) menjelang 2025 dengan mengambil kira jangkaan 36 juta penduduk Malaysia pada tahun tersebut, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni.

Berucap merasmikan Hari Pembantu Perubatan ke-12 2023 peringkat kebangsaan di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini pada Jumaat, beliau ber-

kata, bilangan PPP dalam negara ketika ini adalah seramai 23,329 orang dengan nisbah 1:1,400 berbanding populasi penduduk.

"Kekurangan PPP menyebabkan peningkatan beban kerja, PPP sedia ada bekerja lebih masa dan secara tidak langsung ia boleh menjejaskan kualiti penyampalan perkhidmatan kesihatan," katanya.

Lukanisman berkata, perbincangan

antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan sentiasa diadakan untuk memastikan isu perjawatan tetap dapat diselesaikan dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Dalam pada itu, beliau berkata, bilangan PPP atau pembantu perubatan yang memiliki ijazah masih kecil iaitu kurang daripada 10 peratus dan sasaran KKM adalah 75 peratus daripada mereka memiliki ijazah menjelang 2030. - *Bername*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION / NEWS



Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni speaking at the opening of the national-level Medical Assistant Day 2023 in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

## SHORTAGE

# COUNTRY NEEDS 44,804 MEDICAL ASSISTANTS

This is to meet rise in population to 36 million by 2025, says deputy minister

## PUTRAJAYA

**M**ALAYSIA needs 44,804 assistant medical officers by 2025, taking into account the country's expected population of 36 million that year, said Deputy Health Minister

Lukanisman Awang Sauni.

He said there were 23,329 assistant medical officers in the country, with a ratio of 1:1,400 to the population.

"The shortage of assistant medical officers causes an increase in workload, forcing them to work overtime, which can indirectly affect the quality of health service delivery," he said during the opening of the national-level Medical Assistant Day 2023 at the Health Ministry here.

Lukanisman said the number of medical assistants with degree qualifications was less than 10 per cent.

The ministry aimed to have 75 per cent of them with a degree by 2030, he added.

He said several engagement sessions had been held with public and private universities to provide degree programmes for medical assistants.

Currently, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin and Malaysia Open University have degree-level programmes for medical assistants.

Lukanisman said Malaysia will host the "The Global Association of Clinical Officers and Physician Associates" conference in Putrajaya in June. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NATION

## Over 44,000 assistant MOs needed by 2025

**PUTRAJAYA:** Malaysia needs a total of 44,804 assistant medical officers by 2025 to serve the country's expected population of 36 million then, said Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni.

Currently, he said, there are 23,329 assistant medical officers in the country, with a ratio of 1:1,400 population.

"The shortage of assistant medical officers causes an increase in workload as they have to work overtime. This indirectly affects the quality of health service delivery," he said when opening Medical Assistant Day 2023 at the Health Ministry here yesterday, Bernama reported.

He said the number of medical assistants with degree qualifications is still small, at less than 10%.

Lukanisman added that the ministry has set a target of having 75% of them earn degrees by 2030.

He said several engagement sessions have been held with public and private universities to provide degree programmes to medical assistants.

Currently, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, and Open University Malaysia have special degree-level programmes for medical assistants.

He said Malaysia will host the Global Association of Clinical Officers and Physician Associates conference in Putrajaya in June.